KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

چانڠ
CANANG

FEBRUARI 2019

Pada tahun-tahun yang lalu kita telah menyandarkan harapan tinggi kepada generasi muda untuk menerajui pembangunan negara secara proaktif.

Alhamdulillah, sedikit demi sedikit harapan itu terkabul, dengan para belia menunjukkan pencapaian-pencapaian yang menggalakkan di bidang-bidang keusahawanan, ekonomi dan kemasyarakatan. Serentak itu, agensi-agensi Kerajaan juga tidak ketinggalan dalam menyediakan prasarana serta membantu para belia, khususnya dalam memberikan bimbingan kepada mereka yang berkecimpung di bidang keusahawanan.

Beta mahu melihat, supaya usaha-usaha sedemikian ini terus dipertingkatkan, sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan Kerajaan. Maka untuk itu, agensi-agensi Kerajaan perlulah menggiatkan lagi peranan mereka selaku pemudahcara.

Pemudahcara di sini dimaksudkan ialah prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah, serta sokongan dan kerjasama padu semua agensi yang berkepentingan, dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan itu.

Dalam memberi tumpuan kepada golongan muda, kebajikan dan pemedulian terhadap warga emas juga jangan diabaikan. Kerana mereka itu lebih-lebih lagi memerlukan sokongan dan pemedulian.

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke - 35, Tahun 2019

منجايا كن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2019

Jakarta, Jumaat, 1 Februari – Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Yussof bin Haji Abdul Rahman mewakili bagi pihak Negara Brunei Darussalam telah menyampaikan derma berjumlah BND272,000 atau USD202,469.27 secara rasmi kepada Pengarah Eksekutif AHA Centre, Puan Adelina Kamal.

Penyerahan tersebut turut disaksikan oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi dan Tuan Dicky Fabrian yang mewakili Badan Penanggulangan Bencana Nasional (BNPB) Indonesia.

SUMBANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI PEMBINAAN ASEAN RESILIENT VILLAGE SULAWESI, INDONESIA

https://ahacentre.org/news/brunei-darussalam-asean-resilient-village/

PROGRAM PENDEDAHAN KEMAHIRAN INKLUSIF OKU PUSAT PEMBANGUNAN BELIA

Pusat Pembangunan Belia, SALAMBIGAR, Sabtu, 2 Februari 2019 - Seramai 10 OKU dari pelbagai latar belakang, mengikuti dua kursus iaitu **Kursus Teknologi Rekaan Fesyen** dan **Kursus Pembuatan Kek dan Pastri** bagi Program Pendedahan Kemahiran Inklusif Orang Kelainan Upaya (OKU) Pusat Pembangunan Belia (PPB) sesi pertama secara sepenuh masa selama empat minggu mulai 4 Februari 2019 hingga 5 Mac 2019.

Para peserta kursus akan didedahkan dengan kemahiran yang dapat diaplikasikan dalam industri atau ketika menjalankan perniagaan sendiri seperti keselamatan di tempat kerja, bengkel pengurusan atau dapur, kemahiran asas-asas dan pengiraan kos bagi setiap pengeluaran.

'Negara Aman Sejahtera'

PERSIDANGAN KELUARGA BAHAGIA 2019

DEWAN UTAMA, PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, RABU, 6 FEBRUARI. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berangkat menyempurnakan majlis perasmian Persidangan Keluarga Bahagia 2019 sempena Hari Keluarga.

Juga berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis turut diserikan dengan Pembentangan Ucaptama yang bertajuk 'Keluarga Bahagia' yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

Dr. Dayang Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar semasa Majlis Pembentangan dan Penyerahan Resolusi dalam pembentangannya menyampaikan Persidangan Keluarga Bahagia 2019 sempena Hari Keluarga menghasilkan tujuh resolusi mengikut tema, iaitu Pendidikan; Dasar dan Penguatkuasaan Undang-undang; Perkhidmatan; Kewangan; Kesihatan; Pemantauan dan Penyelidikan.

Pada majlis tersebut, Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof telah menyerahkan resolusi tersebut kepada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Persidangan Keluarga Bahagia 2019 sempena Hari Keluarga dianjurkan oleh MWNBD dan dikelolakan oleh PSW dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS PELANCARAN 73 KALI

KHATAM AL-QURAN WARGA EMAS

MASJID SUFRI BOLKIAH, PERPINDAHAN BERAKAS Jumaat, 8 Februari – Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat Majlis Pelancaran 73 Kali Khatam Al-Quran Warga Emas seluruh Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019. yang disertai oleh lebih 300 warga emas yang yang terbahagi kepada 21 halaqah perempuan dan enam halaqah lelaki .

MAJLIS MINUM PETANG AMAL BAGI MENGUTIP DANA PUSAT KACA

SERAMBI BATIL, TARINDAK D'SENI, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Februari - Semua pihak sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta bertanggungjawab untuk menggalas kewajipan bersama membantu golongan-golongan istimewa dan golongan kurang bernaib baik yang ada di negara ini. Atas kesedaran itu, Syarikat Eman mengambil inisiatif menganjurkan Majlis Minum Petang Amal Bagi Mengutip Dana Pusat KACA yang diserikan dengan beberapa persembahan khas daripada ahli-ahli Persatuan KACA, juga termasuk persembahan artis dari luar negara selaku duta syarikat berkenaan.

KEJOHANAN FUTSAL HARI PERKHIDMATAN AWAM (HPA) KE-25, 2018

Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Ahad, 10 Februari - Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-25, 2018 anjuran bersama Jabatan Pentadbiran KHEU; Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dan Jabatan Belia dan Sukan serta Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD). Kejohanan yang bermula pada 3, 8 dan 10 Februari 2019 telah dibukakan kepada 13 kementerian di Negara Brunei Darussalam dan sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka (12 pasukan) dan Kategori Veteran (9 pasukan).

Kategori Terbuka dimenangi oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, diikuti oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), manakala Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan di tempat ketiga bersama.

Kategori Veteran dimenangi oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, diikuti oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), manakala Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di tempat ketiga bersama.

SIDANG MEDIA

12.02.2019

MAJLIS MENAIKKAN BENDERA PERSATUAN BELIA LUMAPAS

17.02.2019

UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR

16.02.2019

Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan
(Daerah Brunei dan Muara)

Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait
(Daerah Belait)

MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KECIL MEJA DAN PROGRAM SEMARAK PENGIBARAN BENDERA

12.02.2019

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri
Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang
(Daerah Tutong)

Sekolah Rendah Batu Apoi
(Daerah Temburong)

RAPTAI UPACARA PERHIMPUNAN AGUNG 21.02.2019

UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR

25.02.2019

RAPTAI MAJLIS KESYUKURAN

21.02.2019

منجايكن واوسن نكارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 Februari 2019

KUNJUNGAN HORMAT

KETUA-KETUA PERWAKILAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12.02.2019

Tuan Yang Terutama Awang Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar (Negara Qatar), dan

Puan Yang Terutama Dayang Hajah Kasmalati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamad Kassim (ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia).

MAJLIS PELANCARAN "BUKU MEMOIR SEORANG SEJARAWAN: YANG BERHORMAT PEHIN JAWATAN DALAM SERI MAHARAJA DATO SERI UTAMA DR. HAJI AWANG MOHD. JAMIL AL-SUFRI"

PUSAT SEJARAH, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Februari - Buku Memoir Seorang Sejarawan: Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri merupakan sebuah buku yang amat berharga daripada seorang sejarawan dan budayawan yang ulung di negara ini.

"Dengan usaha ini juga ia akan meningkatkan lagi usaha menyelongkar dan memisi persejarahan Brunei bagi menghasilkan penulisan yang bermutu dan amat berharga dalam memperkaya khazanah sejarah tanah air yang menjurus ke arah pembangunan negara-bangsa atau 'nation building"

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan



GALERI SENI, DERMAGA DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Februari - Sebanyak 123 buah lukisan hasil karya 54 pelukis-pelukis tempatan dipamerkan pada Pameran Seni Lukis "Lakaran – Bruneiku Indah" bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun.

PAMERAN "LAKARAN - BRUNEI KU INDAH"

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENDEDAHAN PERTANIAN DAN PERLADANGAN

PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, TANAH JAMBU, Isnin, 18 Februari - Seramai 31 belia terpilih menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan (Peladang Muda) Kerjasama antara PPB dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu 30 orang dalam sektor sayur dan buah-buahan dan seorang dalam sektor padi. Para peserta akan menjalani Program Latihan Kemahiran bermula 18 hingga 27 Februari 2019 Program penempatan kerja akan bermula pada 11 Mac hingga 4 Jun 2019 akan dilaksanakan di syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti berdasarkan pembahagian kluster Mukim dan Daerah Brunei Darussalam.

LAWATAN PUAN YANG TERUTAMA VALENTINA MATVIENKO,
PENGERUSI MAJLIS PERSEKUTUAN DEWAN UNDANGAN PERSEKUTUAN RUSSIA DAN ROMBONGAN
KE BANGUNAN ALAT KEBESARAN DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN

19.02.2019

SOLAT SUBUH BERJEMAAH PELATIH PKBN PENGAMBILAN KE-LAPAN BERSAMA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MASJID OMAR ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Februari - Buat julung kalinya program tradisi Solat Subuh Berjemaah Pengambilan PKBN bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan**.**

Sejurus selesai menunaikan solat berjemaah**,** acara diteruskan dengan YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta rombongan beredar ke Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bagi Upacara Menaikkan Bendera dan Menyanyikan Lagu Kebangsaan; Pembacaan Ikrar; Sorak PKBN; Nyanyian Lagu 'Sedia Berbakti'; bacaan doa; Latihan Jasmani diakhiri dengan sarapan pagi dan sesi ramah mesra dan motivasi YB Menteri KBS.

PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KE-14

PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Februari - Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke-14 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019 (PBCTA) merupakan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan telah bermula pada 19 Februari yang lalu.

Program ini bertujuan untuk mememupuk dan meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat, di samping mengadakan aktiviti kenegaraan yang dapat menyuntik semangat mereka untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti yang bersifat kepimpinan, kesukarelawanan serta pembangunan belia di samping menyemarakkan semangat setiakawan, gotong-royong dan saling membantu di antara satu sama lain.

Pelbagai aktiviti diaturkan sepanjang program dijalankan antaranya Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Pengagihan Bendera ke empat-empat daerah, Perkampungan PBCTA, menyertai Majlis Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019.

Pada Tahun ini, seramai 52 orang belia dari keempat-empat daerah telah terpilih untuk menyertai program ini dan telah diraikan dengan Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan dan Penghargaan disempurnakan oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap KKBS. Beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Peserta Lelaki Terbaik, Awang Haji Mateen Bolkini bin Haji Ahmad dan Peserta Perempuan Terbaik, Dayang Nurhazwani Aqilah binti Rustam Affendie masing-masing dari Daerah Tutong.

Di majlis ini juga, Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian wakil peserta PBCTA dari Daerah Brunei dan Muara telah membuat pembentangan hasil penyertaan program dan diikuti dengan tayangan video PBCTA.



Every two weeks a language disappears taking with it an entire cultural and intellectual heritage.

Sumber: http://www.un.org/en/events/motherlanguageday/

PUSAT BAHAGIA, KAMPONG PULAIE, Isnin, 25 Februari - Seramai 75 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil institusi pengajian tinggi, pihak swasta, ibu bapa dan ahli keluarga OKU Pendengaran serta orang persendirian telah mendaftar bagi mengikuti sesi pertama Bengkel Asas Bahasa Isyarat.

Bengkel yang memfokuskan kepentingan dan tatacara penggunaan bahasa isyarat untuk berkomunikasi bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pendengaran dianjurkan bersama oleh JAPEM dengan kerjasama Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan; Bahagian Otorhinolaringkrologi (ENT), Perkhidmatan Audiologi dan Guru bagi Orang-Orang Tuli Kementerian Kesihatan dan Persatuan OKP serta sukarelawan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB) .

LAWATAN YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BTE DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MALAYSIA KE PUSAT BAHAGIA, KG. PULAIE

PUSAT BAHAGIA, KAMPONG PULAIE, Rabu, 27 Februari - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita,Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dalam rangka Lawatan Rasmi beliau selama 2 hari ke negara ini, telah berkesempatan mengadakan lawatan dan beramah mesra dengan para pelatih di Pusat Bahagia. Semasa berada di pusat tersebut, Yang Amat Berhormat mendengarkan taklimat mengenai fungsi dan tanggungjawab Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS dan juga program-program yang dijalankan di Pusat Bahagia.

SIDANG MEDIA PESTA BUKU 2019
25.02.2019

MAJLIS PELANCARAN PESTA BUKU BRUNEI 2019

STADIUM TERTUTUP, KSNHB, BERAKAS, Rabu, 27 Februari - Pesta Buku Brunei 2019 kali ini menampilkan penyertaan istimewa dari Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' disejajarkan dengan pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) disamping meraikan 15 Tahun hubungan kerjasama Negara Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Sebanyak 61 buah petak jualan dan pameran diisikan oleh peserta yang terdiri dari DBP (penganjur), penerbit buku kerajaan, penerbit buku swasta, took-toko buku dari dalam dan juga luar negara khususnya dari Singapura, Indonesia, Malaysia, Kesultanan Oman dan Jordan. Tahun ini, sebanyak 32 buah buku terbitan DBP dibawah pelbagai kategori telah dilancarkan iaitu Kategori Ilmiah (empat buah), Kategori Umum (enam buah), Kategori sastera dewasa (13 buah) dan Kategori Sastera Kanak-Kanak (sembilan buah). Pelancaran buku ini juga termasuk coffee table book 'Bandar Seri Begawan. PBB2019 kali ini disasar-kan kelompok entiti belia, dewasa dan juga kanak-kanak bahkan sasaran keluarga dengan pelbagai aktiviti dan kegiatan yang disumbangkan oleh pelbagai pihak.

"Dalam meneruskan usaha murni ini juga, dan dengan melihat kepada keadaan semasa, sangatlah bertepatan Tema Pesta Buku Brunei 2019 ialah "Lestari Buku Era Digital".
Tema ini mempunyai maksud bahawa buku cetak kekal mendapat tempat pada era digital ini. Pada masa yang sama, kita akui bahawa hampir kesemua informasi boleh diakses melalui online termasuk dengan electronic book (e-book). Oleh itu, kita akan terus memastikan Pesta Buku tetap relevan dengan mengambil langkah baru dalam pemberdayaan apa jua format buku, cetak ataupun elektronik, demi untuk terus memberikan nilai tambah dalam pendedahan pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat. "

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan

Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa, KIULAP, Khamis, 28 Februari - Hari Terbuka KIGS yang bertemakan 'Towards an Innovative Culture' diadakan dengan tujuan untuk menjadi platform pemasaran program-program yang terdapat di KIGS kepada bakal pelajar dan masyarakat umum, juga memberi peluang kepada para pelajar untuk mempamerkan projek akhir bagi pembelajaran melalui kritikan awam dan penilaian kerja mereka.

'THE 5TH VIBE IDENTITY SENI LUKIS DAN REKA BENTUK'

Di samping merasmikan Pameran Arts and Design Kali Ke-5, YB Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat juga merasmikan Pusat Perniagaan, Pemasaran dan Komunikasi KIGS yang berkonsepkan 'business incubation'.

KUNJUNGAN HORMAT

DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK RAKYAT CHINA ,
PUAN YANG TERUTAMA YU HONG

28.02.2019

KUNJUNGAN MUHIBBAH

UNDERSECRETARY OF THE MINISTRY OF INFORMATION, OMAN
HIS EXCELLENCY ALI BIN KHALIFAN AL-JAFRI

28.02.2019

MALAM KEBUDAYAAN OMAN

SAMUDRA GRAND HALL, THE EMPIRE HOTEL & COUNTRY CLUB, JERUDONG, Khamis, 28 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Malam Kebudayaan Oman yang diadakan bagi meraikan penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' Pesta Buku Brunei 2019.

Malam Kebudayaan Oman diserikan lagi dengan pelbagai persembahan kebudayaan gabungan Omani Music Band dan Senandung Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut diadakan ialah pelancaran dokumentari filem dalam hubungan dua hala di antara NBD dan Kesultanan Oman, bertajuk ''Brunei as viewed by an Omani Lens'' dan filem-filem dokumentari yang disediakan oleh Oman TV. Melalui kegiatan kebudayaan dua hala di antara NBD dan Kesultanan Oman, ia dapat membantu memantapkan kepelbagaian budaya yang berbeza, di samping dapat membantu mempelajari sedikit sebanyak mengenai keduanya dengan bergerak secara progresif ke arah pemulihan budaya.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN KKBS DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-35, 2019

MENGHORMATI DAN MEMULIAKAN JIRAN – *Petikan Khutbah Jumaat 3 Jamadilakhir 1440/ 8 Februari 2019.*

Surah An-Nisa ayat 36:

"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apapun. Dan berbuat baiklah kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Shuraih Al-Adawi Radiallahu anhu, berkata: sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda yang maksudnya:

"Demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman. Lalu seorang lelaki pun bertanya siapakah orang yang tidak beriman wahai Rasulallah? Baginda pun menjawab: Orang yang jirannya tidak berasa aman daripada kejahatannya."

Imam Al-Ghazali Rahimullah Ta'ala didalam kitab Ihya Ulum Ad Din ada menyebutkan beberapa hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, antaranya:

Pertama: Memulakan memberi salam. **Kedua**: Menziarahi jiran ketika sakit dan mengucapkan takziah ketika berlaku kematian. **Ketiga**: Jangan terlalu bertanya tentang hal-hal peribadi jirannya. **Keempat**: Memaafkan segala kesalahan dan kesilapan jiran. **Kelima**: Menutup keaiban yang berlaku pada jiran. **Keenam:** Sentiasa bersikap lemah lembut terhadap anak-anak jiran. **Ketujuh:** Sentiasa membantu jiran apabila ditimpa musibah**.** **Kelapan:** Tidak menyakiti dan menyusahkan jiran sama ada dari segi perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku. **Kesembilan:** Janganlah terpengaruh dengan kata-kata orang yang cuba memburuk-burukkan jirannya. **Kesepuluh:** Jangan menyempitkan perjalanan menuju ke rumah jirannya.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.